

# ISO 37001: 2016

Anti-Bribery  
Management System



## 1. PENETAPAN SYARAT VAKSINASI LENGKAP KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

Jabatan Perkhidmatan Awam akan mewajibkan semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan untuk mengambil vaksin bagi memberikan keyakinan dan jaminan kepada orang awam serta memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat. Ini juga selari dengan usaha untuk mengembalikan perkhidmatan kerajaan pada tahap pengoperasian penuh berdasarkan fasa-fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dikehendaki untuk segera melengkapkan vaksinasi mereka **sebelum 1 November 2021**. Dalam tempoh ini pegawai yang belum divaksin hendaklah hadir secara *walk-in* ke pusat pemberian vaksin (PPV) yang telah disediakan oleh Kerajaan. Bagi pegawai yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan, pegawai hendaklah mengemukakan kepada Ketua Jabatan maklumat kesihatan yang telah disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan.

Sekiranya pegawai awam masih belum mengambil vaksin selepas tempoh yang ditetapkan tanpa mendapatkan pengecualian daripada pegawai perubatan kerajaan maka pegawai tersebut **boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan peraturan semasa yang berkuatkuasa**. Semua pegawai awam adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk pautan berikut :

[https://docs.jpa.gov.my/docs/akhbar/2021/Siaran\\_Media\\_30092021.pdf](https://docs.jpa.gov.my/docs/akhbar/2021/Siaran_Media_30092021.pdf)

## 2. TAPISAN KEUTUHAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BAGI PERMOHONAN PERSARAAN PILIHAN

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai pihak berkuasa pencen telah memutuskan tapisan keutuhan SPRM bagi permohonan persaraan pilihan perlu ditambahbaik.

Selaras dengan keputusan tersebut, **adalah diputuskan untuk semua permohonan persaraan pilihan bagi semua pegawai di semua gred jawatan perlu melalui tapisan keutuhan SPRM sebelum permohonan persaraan pilihan pegawai dikemukakan ke JPA/KWAP**. Syarat baharu ini akan berkuatkuasa bagi permohonan persaraan pilihan yang diterima JPA/KWAP bermula 1 Januari 2022.

Untuk maklumat lanjut sila rujuk Surat Edaran JPA/PEN(S)228//5-11(27) atau layari [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

## 3. PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN MENGIKUT FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA

- **PKPD** – 100% bekerja dari rumah.
- **FASA 1** – maksimum 40% bekerja di pejabat. 60% bekerja dari rumah.
- **FASA 2** – maksimum 60% bekerja di pejabat. 40% bekerja dari rumah.
- **FASA 3** – maksimum 80% bekerja di pejabat. 20% bekerja dari rumah.
- **FASA 4** – 100% bekerja di pejabat. Dibenarkan bekerja dari rumah bagi yang memerlukan.

## 4. KURSUS ASAS SIASATAN UNTUK PEGAWAI JABATAN PERTANIAN ANJURAN UNIT INTEGRITI DENGAN KERJASAMA AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Kursus ini telah berlangsung dari 6 hingga 8 September 2021 dan telah dikelolakan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) secara atas talian.

Kursus ini dianjurkan bertujuan untuk memberi ilmu dan kemahiran asas siasatan secara teori dan praktikal serta pengendalian kes mengikut perundungan yang berkaitan.

Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 30 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian yang merupakan ahli Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) Jabatan Pertanian.

